

Yang Berbahagia Dato' Ramli Abbas Pengerusi Lembaga Pengarah

Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM)

Oleh : Rozz Izawatee Azizan

MyKUKUM (MK) : *Pertamanya pihak KUKUM ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah di atas perlantikan Dato' sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Kolej Universiti. Sebagai mukadimah, bolehkah Dato' menceritakan sedikit sebanyak tentang latar belakang pendidikan dan pengalaman Dato' dalam meraih kejayaan sehingga kini.*

Y.Bhg. Dato Ramli Abbas (DRA): Terima kasih. Saya mula mendapat pendidikan awal di Universiti Malaya dalam jurusan Ekonomi. Saya kemudian menyambung pembelajaran saya ke Nova South Eastern University di Fort Lauderdale, Florida dan menerima MBA saya di sana. Saya juga mengikuti Program Eksekutif di dalam bidang Pengurusan Perniagaan di University of Michigan, USA. Saya memulakan kerjaya saya di Motorola Malaysia. Di

Motorola, saya memegang jawatan sebagai Naib Presiden, Pengerah Strategi Motorola Incorporated di Florida dan Naib Presiden dan Pengurus Kawasan bagi Motorola Malaysia. Kemudian saya telah dilantik sebagai Pengerah Kawasan Motorola di Asia Pasifik dan bertanggungjawab ke atas semua urusan yang melibatkan Motorola sama ada di Jepun, China, Hong Kong, Taiwan, Korea, India, Asia Tenggara, Australia dan New Zealand.

Sebelum saya menyertai Celcom, saya memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Encorp. Di sana, saya bertanggungjawab bagi menyusun semula struktur pengurusan dan hala tuju bagi syarikat-syarikat Kumpulan Encorp (Encorp Group of Companies). Ini termasuklah Encorp Media iaitu NTV7 dan Encorp Property.

Selepas itu, saya telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Celcom (Malaysia) Berhad iaitu syarikat pengendali telekomunikasi yang utama di negara ini yang menawarkan talian telefon selular Celcom (019) dan TMTOUCH (013).

MK : *Apakah perasaan Dato' apabila dilantik secara rasmi oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia pada 15 Disember 2003 yang lalu?*

DRA : Saya merasa sungguh bersyukur dan berterima kasih kerana diberi kepercayaan untuk menerajui Lembaga Pengarah Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia. Bagi saya ini merupakan peluang kepada saya untuk menyumbangkan tenaga dan berbakti kepada KUKUM terutama dalam mewujudkan satu bangsa Malaysia yang berilmu, berdaya saing, berjiwa murni, serba boleh, berwawasan dan bersemangat sebagai tonggak nusa dan bangsa di alaf baru ini. Selain itu, perlantikan ini adalah satu penghormatan yang amat dihargai dan Insya Allah saya akan menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada saya ini sebaik mungkin.

MK : *Pada pendapat Dato' apakah cabaran yang perlu dilalui dalam menubuhkan sesebuah IPTA yang terkemuka dan ulung?*

DRA : Matlamat semua IPTA di negara ini ialah untuk melahirkan minda pelajar yang terdidik, kreatif dan yang sentiasa ingin tahu. Menurut Laporan Suruhanjaya UNESCO mengenai Pendidikan untuk Abad Ke-21, mereka mengenalpasti empat tindakan asas untuk menghadapi cabaran dalam

membentuk sesebuah IPTA pada alaf baru ini adalah seperti berikut :-

- (i) Belajar untuk menjadi (learning to be)
- (ii) Belajar membuat (learning to do)
- (iii) Belajar untuk mengetahui (learning to know)
- (iv) Belajar hidup bersama (learning to live together)

Empat objektif ini amat mencabar dalam dunia tanpa sempadan, di mana yang warganya khususnya para pelajar semakin bersifat nasional dan antarabangsa. Dalam arus globalisasi, pendidikan tidak hanya terhad kepada warga tempatan tetapi perlu mengambil kira konteks sosio budaya masyarakat dalam perkampungan sejagat. Untuk memastikan setiap pelajar ataupun individu memahami dan bersikap toleransi terhadap orang lain, kita perlu memupuk keberanian moral dan nilai sejagat.

Sehubungan itu, IPTA perlu memberi penekanan kepada pemilihan tenaga pengajar, mata pelajaran yang ditawarkan, program-program kemahiran teknologi dan kejuruteraan. IPTA juga perlu menganjurkan kem-kem motivasi dan sesi rundingan/kaunseling untuk membimbing para pelajar dalam mengharungi cabaran kehidupan harian mereka. Selain itu, IPTA perlu memberi penekanan dalam penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan para pelajar kerana ini adalah asas bagi menjamin kejayaan mereka.

Walaubagaimanapun, saya yakin KUKUM mampu untuk menghasilkan para pelajar yang berkualiti dan cemerlang. Justeru itu, saya menyeru semua pihak yang terlibat termasuk para pelajar sendiri untuk bekerja keras dalam mengharungi cabaran-cabaran ini dalam membentuk KUKUM sebagai salah sebuah institusi pengajian yang terkemuka di negara ini.

MK : Menurut pandangan Dato' sebagai seorang yang terkenal dalam bidang korporat, apakah hubung kait yang dapat diberikan di antara bidang kejuruteraan dan perniagaan?

DRA : Bidang kejuruteraan amatlah luas. Ianya tidak terhad hanya kepada kejuruteraan elektronik sahaja. Bidang ini mempunyai pelbagai cabang-cabang yang lain seperti mikroelektronik, mekatronik dan sebagainya. Setiap cabang ini memegang peranan yang penting di dalam dunia perniagaan. Selari dengan pelan induk perindustrian negara, bidang perniagaan kini banyak berkaitan dan tertumpu pada industri ICT. Industri ini yang bertunjangkan teknologi maklumat, kini berkembang pesat di Malaysia dan semakin menumpukan kepada pengeluaran produk rekabentuk tempatan seperti Notebook, Workstation, Server, Peripheral Computer seperti cakera dan lain-lain produk yang berasaskan komputer. Di sini tenaga-tenaga profesional dalam bidang kejuruteraan komputer amatlah diperlukan untuk menampung keperluan yang semakin meningkat.

Graduan yang dihasilkan oleh KUKUM ialah jurutera yang berkebolehan serta berkaliber dan mampu menandingi perkembangan teknologi semasa.



Ini akan membolehkan graduan-graduan yang dihasilkan oleh KUKUM mempunyai prospek pekerjaan yang meluas sama ada di institusi-institusi kerajaan, badan berkanun mahupun sektor swasta. Bidang pekerjaan yang boleh diceburi termasuklah perunding, kontraktor, ahli perniagaan, pendidik, pentadbiran pengurusan dan lain-lain lagi. Perniagaan, terutama di bidang perkilangan dan perindustrian amat memerlukan kemahiran tenaga profesional dalam bidang kejuruteraan. Sumbangan bidang kejuruteraan digandingkan dengan kemahiran dalam perniagaan dapat membawa kepada keuntungan sekaligus menyumbang kepada ekonomi negara.

MK : Oleh itu, adakah bidang ini mempunyai peluang yang cerah untuk menguasai pasaran global pada masa akan datang?

DRA : Ya, sudah semestinya kerana bidang kejuruteraan ini mempunyai peluang yang cerah pada masa hadapan. Pada masa negara sedang mencatatkan kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat, kemajuan dan perkembangan dalam sektor-sektor dinamis negara seperti sektor perindustrian, perkilangan dan telekomunikasi akan terus memerlukan tenaga kerja yang mahir dan khusus, terutamanya dalam bidang kejuruteraan dan lain-lain bidang teknikal. Graduan yang dihasilkan oleh KUKUM ialah jurutera yang berkebolehan serta berkualiti dan mampu menandingi perkembangan teknologi semasa. Daya saing negara dalam pasaran global amat memerlukan kecekapan tenaga manusia kreatif dan inovasi untuk mengolah proses pengeluaran dalam sesuatu industri bagi meningkatkan lebih daya saing.

MK : Apakah pandangan peribadi Dato' terhadap perkembangan penubuhan KUKUM yang boleh dikategorikan sebagai 'baru setahun jagung' ini?

DRA : KUKUM yang ditubuhkan sebagai institusi pengajian tinggi awam pada 25 Julai 2001 dan yang bertujuan untuk

melahirkan jurutera berkemahiran tinggi bagi memenuhi dan menyokong perindustrian negara dianggap sebagai satu langkah yang wajar. Penubuhannya bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan para pelajar berwawasan, berwibawa dan cemerlang iaitu selari dengan Falsafah Pendidikan Negara.

KUKUM juga telah menambah bilangan institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini dan turut memberi peluang kepada golongan lepasan sekolah menengah untuk mendalami ilmu pengetahuan dan menerima pendidikan daripada sebuah kolej yang bertaraf tinggi.

Dalam suasana industri yang menyaksikan kemajuan-kemajuan terkini dalam pelbagai aspek teknologi adalah wajar bagi institusi-institusi Pengajian Tinggi mengeluarkan siswazah-siswazah dalam bidang-bidang seperti kejuruteraan. KUKUM dapat memberi pendedahan kepada para pelajar kepada kemajuan yang dalam bidang kejuruteraan. Ini sangat penting untuk mengelakkan wujudnya jurang maklumat ataupun ilmu antara apa yang dipelajari, dengan apa yang ada dalam realiti dunia industri.

MK : Antara peranan utama Lembaga Pengarah adalah menentukan perkara-perkara dasar sesebuah IPTA. Selaku pemimpin barisan Ahli Lembaga Pengarah Kolej Universiti ini, apakah aspek-aspek penting yang diambil kira bagi menentukan ia (dasar-dasar) seiring dengan keperluan semasa bidang pendidikan masa kini?

DRA : Aspek-aspek penting yang perlu diambil kira bagi menentukan dasar-dasar KUKUM haruslah seiring dengan Falsafah Pendidikan Negara. Ianya haruslah dijadikan panduan supaya pelaksanaannya akan berjalan lancar dan tersusun rapi. Secara dasarnya, KUKUM perlu menyediakan pendidikan yang terancang dari aspek pengurusan dan kepimpinan untuk menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran ke arah pembangunan pelajar dan pembangunan profesional tenaga pengajar. Selain itu, melalui penggunaan teknologi maklumat dan

pemikiran saintifik pula akan membentuk para pelajar yang seimbang dari aspek minda, jasmani, rohani, emosi dan sosial serta mempunyai daya juang, daya tahan dan daya saing untuk menghadapi cabaran alaf baru.

Program akademik KUKUM yang dilaksanakan secara 'hands-on' bagi menghasilkan jurutera berkebolehan dalam rekabentuk, membuat peralatan, menguji dan menyelenggara serta mengaplikasikan sebarang konsep teori amat bertepatan dalam menghasilkan para pelajar berkemahiran tinggi dalam bidang kejuruteraan terutama bagi memenuhi permintaan perindustrian negara. Justeru itu, pendekatan KUKUM yang mengintegrasikan gunaan dan kemahiran bakal melahirkan para jurutera yang cekap dan praktis. Secara amnya, KUKUM berazam untuk menyediakan prasarana pendidikan yang bertaraf dunia yang akan menjadi pusat kecemerlangan ilmu sejagat.

MK : Kemajuan teknologi dilihat semakin berkembang pesat dari hari ke hari. Pada pandangan Dato' apakah kekurangan yang dirasakan masih perlu diperbaiki dalam merealisasikan harapan negara ke arah peningkatan ilmu dan kecemerlangan bangsa?

DRA : Memang, kemajuan teknologi kini berkembang sungguh cepat dan pesat tetapi malangnya pemikiran masyarakat masih belum mencapai tahap yang setaraf dengan pembangunan terkini. Ini dibuktikan dengan kes-kes gejala sosial yang melibatkan para pelajar dalam bentuk penyalahgunaan dadah, pembunuhan, rompakan dan lepak semakin merebak dan berleluasa. Masalah-masalah disiplin para pelajar seperti ponteng kuliah, merokok di kawasan IPTA, melanggar peraturan IPTA dan tidak menghormati tenaga pengajar turut timbul di kalangan para pelajar. Namun kepincangan ini bukan hanya bergantung kepada pendidikan akademik sahaja, malahan penekanan harus diberi kepada mengukuhkan akhlak dan budi pekerti yang baik dengan menekankan kepada nilai-nilai murni harus diterapkan pada peringkat

awal lagi. Peranan ibu bapa dan penjaga amat penting dan seharusnya sama dengan pengajaran yang diterima oleh anak-anak mereka. Inilah kekurangan yang perlu diperbaiki dan diperkukuhkan bagi merealisasikan harapan negara ke arah peningkatan ilmu dan kecemerlangan bangsa.

MK : Sebelum mengakhiri wawancara ini, apakah saranan harapan Dato' kepada KUKUM dan seluruh warganya ke arah kemajuan pencapaian akademik dan organisasi?

DRA : Golongan pelajar masa kini adalah pelapis yang bakal menjadi pemimpin negara di masa hadapan. Wawasan 2020 yang diteraskan oleh YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita adalah bertujuan untuk mewujudkan satu bangsa dan negara Malaysia yang cemerlang. Sama ada disadari atau tidak oleh para pelajar sekalian, golongan pelajar dan remaja masa kinilah yang bakal meneruskan merealisasikan Wawasan yang dicituskan oleh beliau. Kejayaan masa hadapan terletak di atas bahu pelajar semua sebagai pemimpin generasi baru yang akan memenuhi dan mengisi segala keperluan tersebut.

Sehubungan itu, adalah penting bagi para pelajar sekalian mengamalkan sikap yang lebih terbuka. Dengan cara ini bukan sahaja pelajar yang akan dapat menjadi pelajar yang berwawasan tetapi juga pelajar yang berkualiti yang mana diharap pada hari kemudian, menjadi rebutan bukan sahaja sektor awam malahan sektor swasta. Kualiti yang dimaksudkan bukanlah bermakna pelajar hanya perlu menumpukan perhatian kepada pelajaran semata-mata, tetapi aktiviti-aktiviti ko-kurikulum juga adalah penting.

Adalah menjadi harapan saya, para pelajar yang dihasilkan oleh KUKUM bukan sahaja cerdas, pandai, berpendidikan dan berpengetahuan tinggi serta serba boleh, malahan mereka juga sihat, berakhlak mulia dan bermoral tinggi.